

Headline	PM tanam merbau di kediaman rasmi		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	06 Jan 2021	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	9	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	508 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 16,821
Frequency	Daily	PR Value	RM 50,463



Kempen Penanaman 100 Juta Pokok 2021-2025

PM tanam merbau di kediaman rasmi

Muhyiddin ajak rakyat bersama jayakan agenda penghijauan Malaysia

Putrajaya: Tan Sri Muhyiddin Yassin, semalam menanam pokok merbau di pekarangan Seri Perdana, iaitu kediaman rasmi Perdana Menteri di sini, bagi memulakan Kempen Penanaman 100 Juta Pokok 2021-2025.

Usai menanam pokok itu, Muhyiddin menyampaikan amanatnya yang turut disiarkan secara langsung oleh Radio Televisyen Malaysia (RTM), dengan mengajak rakyat menjayakan agenda penghijauan Malaysia dengan menanam pokok.

"Kepada seluruh rakyat Malaysia, mari bersama-sama menjayakan agenda penghijauan Ma-

laysia dengan menanam 100 juta pokok di seluruh negara menjelang 2025," katanya.

Beliau melancarkan kempen itu serta aplikasi mudah alih dan laman web khas Program Penghijauan Malaysia; www.100jutapokok.gov.my.

Yang turut hadir, Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Dr Shamsul Anuar Nasarah; Timbalannya, Ali Biju; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali dan Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga Dan Sumber Asli, Datuk Zurinah Pawanteh.

Pelancaran Kempen Penanaman 100 Juta Pokok turut diadakan secara serentak di seluruh negara dengan tema 'Penghijauan Malaysia: Pokok Kita, Kehidupan Kita' atau *Greening Malaysia: Our Trees, Our Life*.

Dalam kenyataan media sempena kempen itu, Muhyiddin berkata, Kempen Penanaman 100 Juta Pokok adalah sebahagian daripada Program Penghijauan Malaysia, satu daripada agenda na-



Muhyiddin menanam pokok merbau pada pelancaran Kempen Penanaman 100 Juta Pokok 2021-2025 di Kediaman Rasmi Seri Perdana, Putrajaya, semalam. Foto BERNAMA

sional bagi perubahan iklim serta meningkatkan kualiti hidup masyarakat.

Beliau berkata, program itu akan memulihara kepelbagaian biologi yang menjadi khazanah negara tidak ternilai, meningkatkan kualiti persekitaran semula jadi dan sungai.

"Program Penghijauan Malaysia juga satu ikrar dan komitmen kerajaan yang berlandaskan wawasan Kemakmuran Bersama untuk menyumbang kepada masa hadapan yang lebih hijau," katanya.

Kempen anjuran Kementerian Tenaga dan Sumber Asli itu dilaksanakan melalui Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), jabatan perhutanan negeri, Institut Penyelidikan Perhu-

tanan Malaysia (FRIM) serta kerajaan negeri, menyasarkan penanaman 100 juta pokok menjelang 2025.

Muhyiddin berkata, melalui kempen terbabit, JPSM menganggarkan akan ada peningkatan kawasan hutan dipulihara sebanyak 20,000 hingga 80,000 hektar menjelang 2025, bergantung kepada jarak penanaman.

"Kempen ini dijangka menyumbang kepada penyerapan karbon dioksida, di antara 30 juta tan di kawasan bandar hingga 85 juta tan di kawasan hutan dan lain-lain dalam setahun," katanya.

Katanya, Kempen Penanaman 100 Juta Pokok bertujuan mempertahankan kekayaan alam semula jadi negara dalam semua

aktiviti pembangunan sosioekonomi dan mengekalkan pengiktirafan ke atas Malaysia sebagai antara 12 negara *megadiverse*.

Sehingga kini, beliau berkata, Malaysia berjaya mencatatkan liputan hutan 55.3 peratus selari komitmen negara di Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro pada 1992, iaitu memastikan sekurang-kurangnya 50 peratus keluasan tanah negara dilitupi pokok dan kawasan hutan.

Ketika mengajak semua lapisan masyarakat, termasuk syarikat serta badan korporat untuk menyokong agenda nasional itu, Muhyiddin berkata, "Mulakan azam tahun baharu 2021 dengan bersama-sama menghijaukan bumi Malaysia! Pokok Kita, Kehidupan Kita." BERNAMA